



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

**PELAN  
STRATEGIK  
JCT**

**PENTADBIRAN TANAH NEGERI MELAKA  
2019-2023**

PEJABAT TANAH DAN GALIAN MELAKA  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH MELAKA TENGAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN

JANUARI 2019





KERJASAMA



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)

**PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)  
PENTADBIRAN TANAH NEGERI  
MELAKA  
2019 – 2023**



**MELAKA  
BERWIBAWA**  
PINTAR • HIJAU • BERSIH

**Dengan Kerjasama**

Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia  
Jabatan Ketua Menteri Melaka

**Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendaripada penerbit.

**Diterbitkan Oleh:**

Pentadbiran Tanah Negeri Melaka  
(PTG, PDTMT, PDTAG, PDTJ)

## KANDUNGAN

Perutusan Setiausaha Kerajaan Negeri	i
Perutusan Pengarah	iii
Penghargaan	v
1. Pengenalan	1
2. Carta Organisasi Pasukan Projek	3
3. Skop	5
4. Metodologi	6
5. Visi Dan Misi ICT	7
6. Teras Strategik Dan Objektif Teras Strategik ICT	8
7. Penjajaran Teras Strategik ICT Dengan Teras Strategik Jabatan	10
8. Pemetaan Teras Strategik ICT Jabatan Ketua Menteri Melaka Dengan Teras Strategik PSICT Sektor Awam	11
9. Strategi Dan Program ICT	12
10. Pelan Tindakan	13
11. Pelan Pelaksanaan	21
12. Penutup	30



## PERUTUSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

*“Kerajaan Negeri turut mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu untuk membentuk Malaysia Baharu yang mempamerkan kekuatan, keyakinan dan harapan untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Ini sejajar dengan visi ICT hala tuju Strategik ICT Sektor Awam iaitu “Kerajaan Digital Inklusif Pemacu Penyampaian Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat”*



Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya maka penyediaan Pelan Strategik ICT (PSICT) Kerajaan Negeri Melaka (KNM) yang kedua bagi tempoh 2019-2023 ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Saya amat berbesar hati dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pasukan Pembangunan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri Melaka yang telah komited membangunkan PSICT KNM 2019-2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam MAMPU yang diketuai oleh YBrs. Dr. Fazidah binti Abu Bakar serta ahli pasukan beliau yang telah memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat serta kepada semua ahli pasukan projek yang telah memberikan kerjasama, idea dan komitmen dalam penyediaan PSICT 2019-2023 ini.



Berdasarkan kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dengan Keutamaan dan Penekanan Baharu, bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020, Kerajaan Negeri turut mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu untuk membentuk Malaysia Baharu yang mempamerkan kekuatan, keyakinan dan harapan untuk menjadi sebuah negara maju dan inklusif. Ini sejajar dengan visi ICT hala tuju Strategik ICT Sektor Awam iaitu *“Kerajaan Digital Inklusif Pemacu Penyampaian Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat”*.

Adalah menjadi harapan saya setiap warga kerja Kerajaan Negeri Melaka dapat menghayati sepenuhnya pelan strategik ini dan menjadikannya sebagai panduan untuk sama-sama kita melaksanakan semua program dan aktiviti yang telah digariskan dalam pelan tersebut. Dengan adanya komitmen dan semangat dedikasi yang tinggi oleh setiap warga kerja Kerajaan Negeri Melaka, saya yakin matlamat dan visi yang telah digubal dalam pelan tersebut akan dapat dicapai sepenuhnya untuk menjadikan Negeri Melaka, negeri yang makmur, harmoni dan inklusif.

(DATUK SERI ROSLAN BIN IBRAHIM)



## PERUTUSAN PENGARAH



**Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya maka Pentadbiran Tanah Negeri Melaka telah berjaya menghasilkan satu naskah Pelan Strategik ICT (PSICT) Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTNM) bagi tempoh 2019 hingga 2023 yang mendukung sepenuhnya 4 Teras Strategik selari dengan Pelan Strategi ICT Kerajaan Negeri Melaka dan Pelan Strategik Jabatan.

Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang komited dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menyediakan PSICT PTNM 2019 - 2023, terutamanya kepada Bahagian Teknologi Maklumat dan Komukasi (BTMK) Negeri Melaka selaku urusetia dan Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam MAMPU selaku perunding yang memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat.

Di era kerajaan digital ini, ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan yang tidak terbatas sentiasa memerlukan Kerajaan melaksanakan transformasi bagi menjamin sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien.

Komitmen dan semangat dedikasi semua pihak perlu digembeleng sepenuhnya bagi menjayakan setiap program dan aktiviti yang telah ditetapkan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan halatuju PTNM untuk menjadi Peneraju



Pengurusan dan Pentadbiran Tanah yang paling berkualiti menjelang 2020 dan pemangkin kepada pencapaian wawasan Kerajaan Negeri demi meningkatkan perkhidmatan bersepadu dan menyeluruh dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, pemegang taruh dan para pengguna.

Sekian terima kasih.

**(DATUK ZAIDI BIN JOHARI)**  
Pengarah Tanah dan Galian Melaka.



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Jabatan Ketua Menteri Melaka serta Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2019 – 2023. Tidak dilupakan juga penghargaan ini diberikan kepada Y.B Datuk Seri Roslan bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan sokongan padu kepada projek ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diberikan kepada Pasukan Perunding Strategik ICT Sektor Awam, MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dr Fazidah binti Abu Bakar serta ahli pasukan beliau iaitu Puan Siti Sapura binti Raffee, Puan Rozaida binti Mohd Darus, Puan Suhaiza binti Sudirman serta Puan Nur Nuha binti Mohd Yusoff yang banyak memberikan tunjuk ajar dan khidmat nasihat dalam projek ini.

Sokongan dan penghargaan terima kasih kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO) iaitu YBhg. Datuk Maslina binti Baki selaku Pengarah Projek Pembangunan PSICT JKMM 2019-2023 ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Wahilman bin Siwar, Ketua ICT Negeri Melaka selaku Pengurus Projek PSICT yang telah berusaha memastikan projek ini sentiasa berjalan dengan lancar dengan dibantu oleh pihak urusetia dari Pejabat Pengurusan Projek (PMO) iaitu Puan Siti Nurirdawaty binti Omar, Puan Yusnizah binti Yahya, Cik Pavala a/p Kannan, Cik Nurul Farhana binti Zulkiflee, Encik Nor Anuar bin Masaod serta Puan Nur Nabila Huda binti Rosman yang sentiasa memastikan perjalanan dan penyelarasan projek ini mengikut jadual yang dirancang, di samping memberikan kerjasama yang padu dalam merealisasikan penghasilan dokumen PSICT ini.



Penghargaan terima kasih dan tahniah kepada semua ahli pasukan projek yang telah memberikan kerjasama, idea dan komitmen dalam penghasilan PSICT PTNM 2019 - 2023 ini. Semangat berpasukan yang telah ditunjukkan perlu dikekalkan bagi menjamin kelangsungan projek yang dirancang. Semoga dokumen PSICT ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam merancang pelaksanaan strategi dan program ICT di masa hadapan.

Sekian terima kasih.



## 1. PENGENALAN

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) 2011–2015, pelbagai inisiatif ICT telah dilaksanakan dalam usaha mentransformasi negara untuk menjadi sebuah negara berekonomi digital dan berinovatif.

Susulan itu, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) 2016 - 2020 telah memberi tumpuan pemacuan ICT dalam ekonomi berasaskan pengetahuan melalui inovasi dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing dan penjanaan kekayaan. Sehubungan dengan itu, perancangan dan penyelarasan pelaksanaan inisiatif ICT adalah perlu bagi memastikan inisiatif tersebut selari dengan hala tuju strategik sesebuah organisasi.

Pembangunan PSICT Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka (KNM) 2019-2023 memberikan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan elektronik yang menuju ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan strategi perkhidmatan Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri Melaka.

PSICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2019-2023 ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan semasa serta sejajar dengan Dasar Pembangunan Negeri Melaka. yang melibatkan misi Dasar Gaya Hidup Digital dalam Bandar Pintar untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai peneraju pembudayaan penggunaan teknologi ICT dalam kehidupan seharian.




Pembangunan PSICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2019-2023 ini mengambil masa selama sebelas bulan bermula Januari 2018 sehingga November 2018 untuk digubal sepenuhnya dengan khidmat rundingan daripada Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU.




## 2. Carta Organisasi Pasukan Projek

Satu pasukan kerja telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Carta organisasi projek yang telah diluluskan adalah seperti di **Rajah 1** dan di **Rajah 2**.



Rajah 1: Carta Organisasi Struktur Projek PSICT Jabatan/Agensi KNM 2019-2023



Rajah 2: Carta Organisasi Pasukan Projek PSICT Jabatan/Agensi KNM 2019-2023



### 3. SKOP

Pembangunan PSICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2019-2023 dilaksanakan berdasarkan keperluan ICT yang merangkumi empat bidang seperti berikut:

- (i) Infrastruktur ICT (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan dan Peralatan);
- (ii) Sistem Aplikasi;
- (iii) Keupayaan ICT; dan
- (iv) Tadbir Urus ICT

#### 4. METODOLOGI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT

PSICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2019-2023 telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan khidmat perundingan daripada Unit Perundingan Perancangan Strategik ICT, Bahagian Perundingan ICT, MAMPU.

Metodologi pembangunan PSICT yang digunakan adalah metodologi Analisis, Strategi ICT dan Formulasi (ASF) seperti di **Rajah 3**. Aktiviti utama adalah seperti berikut:

- (i) Analisis persekitaran semasa - bisnes dan ICT;
- (ii) Membangunkan hala tuju strategik ICT;
- (iii) Membangunkan pelan pelaksanaan ICT; dan
- (iv) Menyedia dokumen PSICT.



Rajah 3: Metodologi ASF

## 5. VISI DAN MISI ICT

Visi dan Misi ICT untuk Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG-PDT) ditunjukkan seperti di Rajah 4.

Rajah 4 : Visi dan Misi ICT PTG-PDT



## 6. TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF TERAS STRATEGI ICT

Pentadbiran Tanah Negeri Melaka telah menetapkan empat teras strategik ICT untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT PTG-PDT.

Teras Strategik ICT adalah seperti di **Rajah 5** dan objektif bagi setiap teras strategik adalah seperti di **Rajah 6**.

**Rajah 5: Teras Strategik ICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG-PDT)**




**Rajah 6: Objektif bagi setiap Teras Strategik Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG-PDT)**

<b>Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Meningkatkan keupayaan infrastruktur dan Keselamatan siber bagi menyokong penyampaian perkhidmatan</li></ul>
<b>Pemeriksaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memperkukuhkan aplikasi utama yang lebih selamat dan mesra pengguna bagi memenuhi kehendak pihak berkepentingan.</li><li>• Mengoptimumkan perkongsian dan integrasi data merentasi Jabatan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.</li></ul>
<b>Pengukuhan Keupayaan ICT dalam Penyampaian Perkhidmatan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memaksimumkan tahap kompetensi dan pembudayaan ICT di kalangan warga kerja bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berkualiti.</li><li>• Mentransformasikan persepsi rakyat dengan memaksimumkan tahap penggunaan perkhidmatan dalam talian.</li></ul>
<b>Pengukuhan Tadbir Urus ICT</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mempertingkatkan mekanisme tadbir urus ICT bagi penyelarasan inisiatif ICT yang sistematik</li><li>• Memperkukuhkan mekanisme pemantauan pelaksanaan program ICT bagi memastikan penggunaan secara optimum</li></ul>

## 7. PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN TERAS STRATEGIK BISNES

Teras Strategik ICT perlulah sejajar dengan *Key Result Area* (KRA) Strategik PTG-PDT yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Pentadbiran Tanah Negeri Melaka 2014-2018. Hubungan di antara KRA Strategik dengan Teras Strategik ICT PTG-PDT ditunjukkan dalam **Rajah 7**.




Rajah 7: Penjajaran *Key Result Area* (KRA) Strategik Pentadbiran Tanah Negeri Melaka dengan Teras Strategik ICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka



## 8. PEMETAAN TERAS ICT STRATEGIK JABATAN DENGAN TERAS PSICT

### SEKTOR AWAM

Pemetaan Teras Strategik ICT Jabatan kepada Teras Strategik PSICT Sektor Awam seperti di **Rajah 8**



Rajah 8: Pemetaan Teras Strategik ICT Jabatan kepada Teras Strategik PSICT Sektor Awam



## 9. STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Berpandukan 4 teras strategi ICT yang dibentuk, sebanyak 10 strategi ICT dan 25 Program ICT telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan memacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian Pentadbiran Tanah Negeri Melaka berteraskan ICT. Strategi mengikut teras adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Strategi ICT Mengikut Teras**

Teras Strategik	Strategi ICT	Program ICT
PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT	1. Pemantapan Perkakasan dan Perisian ICT	3
	2. Pengukuhan rangkaian	1
	3. Pengukuhan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)	2
PEMERKASAAN APLIKASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATA	1. Pengukuhan Aplikasi Pentadbiran Tanah	4
	2. Pembangunan Aplikasi Baharu	2
PENGUKUHAN KEUPAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATA	1. Pemantapan Tahap Kepakaran dan Kemahiran ICT	3
	2. Pengukuhan Pembudayaan ICT di Jabatan	2
PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT	1. Pemantapan Tadbir Urus ICT di peringkat jabatan	3
	2. Pengukuhan Jawatankuasa ICT	3
	3. Pengukuhan dan Pematuhan Dasar, Garis Panduan dan SOP	2



## 10. PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT			
Bil.	Strategi ICT	Program ICT	Sasaran / KPI
1.	Pemantapan Perkakasan dan Perisian ICT	a) Peningkatan perkakasan ICT	<u>Dis 2021</u> Permohonan Perolehan dilaksanakan setiap tahun
		b) Penggantian server e-Tanah kepada <i>virtualization</i> - Server ( <i>database</i> , aplikasi, portal, staging, koms, <i>workflow</i> , report dll) - Storage - Antivirus	<u>Dis 2021</u> Penggantian server e-Tanah dilaksanakan
		c) Perolehan Mesin Kiosk Maklumat	<u>Nov 2019</u> Perolehan 4 set Mesin Kiosk Maklumat dilaksanakan
2.	Pengukuhan	a) Peningkatan dan	<u>Dis 2022</u>



	Rangkaian	penyelarasan Kelajuan	Kelajuan rangkaian
		<p>LAN 100Mbps (CAT5e) kepada 1Gbps (CAT6) setiap daerah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>· PTG ( 100 port)</li><li>· PDT MT ( 58 port)</li><li>· PDT AG (56 port)</li></ul> <p>PDT J ( 56 port)</p> <p>b) Penggantian Switch:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>· PTG ( 48 port x 4)</li><li>· PDT MT ( 48 port x 4)</li><li>· PDT AG ( 48 port x 4)</li><li>· PDT J ( 48 port x 4)</li></ul>	<p>dinaik taraf di 4 jabatan dilaksanakan.</p>
3.	<b>Pengukuhan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)</b>	<p>a) Pemusatan server backup di DRC JKMM :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Aplikasi teras seperti Aplikasi e-Tanah (di DRC e-Tanah)</li><li>• Aplikasi sokongan seperti Portal jabatan (di DRC JKMM)</li></ul>	<p><u>Dis 2022</u></p> <p>Penempatan <i>server backup</i> di DRC JKMM dilaksanakan</p>



		b) Penambahbaikan Pelan Pemulihan Bencana (DRP)	<b><u>Dis 2022</u></b> Pelaksanaan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) ditambahbaik.
--	--	---	---

**Strategik 2 : Pemeraksanaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan**

<b>Strategi ICT</b>	<b>Program ICT</b>	<b>Sasaran / KPI</b>
1) <b>Pengukuhan Aplikasi Pentadbiran Tanah</b>	a) Penaiktarafan Sistem e-Tanah Live 3.0	<b><u>Mei 2020</u></b> Sistem e-Tanah Live 3.0 beroperasi dan boleh digunakan.
	b) Pengintegrasian Sistem e-Tanah dan iSPEKS	<b><u>Jun 2019</u></b> Integrasi Sistem e-Tanah dan iSPEKS berjaya dilaksanakan
	c) Penaiktarafan Laman Web Rasmi Jabatan	<b><u>Dis 2020</u></b> 4 set Portal Rasmi Jabatan yang baharu sedia dilancarkan.
	d) Penaiktarafan Sistem Bayaran Cukai Petak secara <i>Online</i> .	<b><u>Dis 2020</u></b> 4 set Sistem



		Perkongsian Data siap dibangunkan dan digunakan.
2) <b>Pembangunan Aplikasi Baharu</b>	a) Pembangunan Sistem Perkongsian Data antara Jabatan	4 set Sistem Perkongsian Data siap dibangunkan dan digunakan
	Pembangunan sistem Intranet <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Tempahan Kenderaan</li> <li>• Modul Tempahan Bilik Mesyuarat</li> <li>• Modul Pinjaman Peralatan</li> </ul>	<u><b>Disember 2022</b></u> 4 set Sistem Intranet digunapakai

**TERAS STRATEGIK 3: PENGUKUHAN KEUPAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

Strategi ICT	Program ICT	Sasaran / KPI
1) <b>Pemantapan Tahap Kepakaran dan Kemahiran ICT</b>	a) Pembangunan Pelan Latihan Dan Kepakaran ICT <ul style="list-style-type: none"> <li>• Khusus untuk personel ICT</li> <li>• Khusus untuk pengguna sistem atau warga</li> </ul>	<u><b>Dis 2019</b></u> Satu (1) Pelan latihan dan kepakaran ICT dibangunkan



	jabatan	
	<p>b) Pelaksanaan Pelan Latihan dan Kepakaran ICT:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Khusus untuk personel ICT</li><li>• Khusus untuk pengguna sistem atau warga jabatan</li></ul>	<p><b><u>Setiap tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai ICT perlu menghadiri kursus ICT minima satu (1) sesi.</li><li>• Warga jabatan perlu menghadiri kursus ICT minima satu (1) sesi.</li></ul>
	<p>b) Pemindahan Teknologi (TOT) sistem e-Tanah.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai ICT</li><li>• Pengguna sistem</li></ul>	<p><b><u>Setiap Tahun</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai ICT perlu menghadiri TOT minima tiga (3) sesi.</li><li>• Pengguna sistem perlu menghadiri TOT minima tiga (3) sesi</li></ul>
<p><b>2) Pengukuhan Pembudayaan ICT</b></p>	<p>a) Peningkatan kesedaran inisiatif data raya / data</p>	<p><b><u>2021 dan 2023</u></b></p>



di Jabatan	terbuka	Penganjuran satu (1) taklimat kesedaran dilaksanakan.
	b) Hebahan kesedaran ICT melalui : <ul style="list-style-type: none"> <li>• E-mel</li> <li>• SMS <i>Blast</i></li> <li>• Media sosial</li> </ul>	<b><u>Setiap tahun</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• E-mel – Empat (4) kali setahun</li> <li>• SMS <i>Blast</i> / media sosial – sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun</li> </ul>

TERAS STRATEGIK 4: PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT		
Strategi ICT	Program ICT	Sasaran / KPI
1) Pemantapan Tadbir Urus ICT di peringkat jabatan	a) Pemantapan struktur organisasi ICT	<b><u>Dis 2019</u></b> Sekurang-kurangnya satu (1) dokumen pertimbangan jawatan (tetap & kontrak)
	b) Penubuhan Pasukan Pakar Rujuk e-Tanah : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknikal ICT</li> <li>• Pentadbiran Tanah</li> </ul>	<b><u>Dis 2019</u></b> Tiga (3) pasukan pakar rujuk ditubuhkan



	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perundangan Tanah</li></ul>	
	b) Penubuhan Pasukan Khas Pembersihan Data	<b><u>Dis 2019</u></b>  Empat (4) Pasukan Khas Pembersihan Data ditubuhkan
2) Pengukuhan Jawatankuasa ICT	a) Pemantapan Jawatankuasa Laman Web Jabatan	<b><u>Okt 2019</u></b>  <ul style="list-style-type: none"><li>• TOR dan keahlian jawatankuasa dikemaskini</li></ul> <b><u>Setiap tahun</u></b>  <ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatankuasa bersidang dua (2) kali setahun</li></ul>
	b) Pemantapan Jawatankuasa Pengurusan Kandungan Laman Web Jabatan	<b><u>Okt 2019</u></b>  <ul style="list-style-type: none"><li>• TOR dan keahlian jawatankuasa yang dikemaskini</li></ul> <b><u>Setiap tahun</u></b>  <ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatankuasa bersidang minima dua (2) kali setahun</li></ul>



	c) Pemantapan Jawatankuasa Teknikal e-Tanah	<b><u>Okt 2019</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• TOR dan keahlian jawatankuasa yang dikemaskini</li></ul> <b><u>Setiap tahun</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatankuasa bersidang dua (2) kali setahun</li></ul>
3) Pengukuhan dan Pematuhan Dasar, Garis Panduan dan SOP	a) Pengukuhan manual pengguna sistem e-Tanah.	<b><u>Apr 2019</u></b> Satu (1) manual pengguna sistem e-Tanah dikemaskini.
	b) Pematuhan Dasar Keselamatan ICT Negeri Melaka (DKICT)	<b><u>Dis 2020</u></b> Satu (1) laporan analisa pematuhan DKICT dikeluarkan.





## 11. PELAN PELAKSANAAN

**Rajah 9:** Pelaksanaan Program bagi Teras Infrastruktur Pentadbiran Tanah Negeri  
Melaka (PTG – PDT) Mengikut Tahun

TERAS STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
<b>S1)</b> <b>Pemantapan Perkakasan dan Perisian ICT</b>					
<b>P1)</b> Penaiktarafan perkakasan ICT					
<b>P2)</b> Penggantian server eTanah kepada virtualisasi					
<b>P3)</b> Pewujudan Mesin Kiosk Maklumat					
<b>S2)</b> <b>Pengukuhan rangkaian</b>					
<b>P1)</b> Penstrukturan semula rangkaian LAN sedia ada : a) Penaiktarafan dan penyelarasan Kelajuan LAN 100Mbps (CAT5e) kepada					



TERAS STRATEGIK 1 : PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
1Gbps (CAT6) setiap daerah: · PTG ( 100 port) · PDT MT ( 58 port) · PDT AG (56 port) PDT J ( 56 port)  b) Penggantian Switch: · PTG ( 48 port x 4) · PDT MT ( 48 port x 4) · PDT AG ( 48 port x 4) · PDT J ( 48 port x 4)					
<b>S3)</b> <b>Pengukuhan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)</b>					
<b>P1)</b> Pemusatan server backup di DRC JKMM : • Aplikasi teras seperti Aplikasi e-Tanah (di DRC e-Tanah) • Aplikasi sokongan seperti Portal jabatan (di DRC JKMM)					
<b>P2)</b> Penambahbaikan Pelan Pemulihan Bencana (DRP)					



**Rajah 10:** Pelaksanaan Program bagi Teras Aplikasi Pentadbiran Tanah Negeri Melaka  
(PTG – PDT) Mengikut Tahun

TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN APLIKASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
<b>S1) Pengukuhan Aplikasi Pentadbiran Tanah</b>					
P1) Penaiktarafan Sistem e-Tanah Live 3.0	→				
P2) Pengintegrasian Sistem e-Tanah dan Ispeks	→				
P3) Penaiktarafan Laman Web Rasmi Jabatan	→				
P4) Penaiktarafan Sistem Bayaran Cukai Petak secara Online.	→				
<b>S2) Pembangunan Aplikasi Baharu</b>					
P1) Pembangunan Sistem Perkongsian Data antara Jabatan		→			
P2) Pembangunan sistem Intranet <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Tempahan Kenderaan</li> <li>• Modul Tempahan Bilik Mesyuarat</li> </ul>			→		



TERAS STRATEGIK 2 : PEMERKASAAN APLIKASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
• Modul Pinjaman Peralatan					





**Rajah 11:** Pelaksanaan Program bagi Teras Keupayaan ICT bagi Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) Mengikut Tahun

TERAS STRATEGIK 3 : PENGUKUHAN KEUPAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
<b>S1)</b> Pementapan Tahap Kepakaran dan Kemahiran ICT					
<b>P1)</b> Pembangunan pelan latihan dan kepakaran ICT :  - Khusus untuk personel ICT - Khusus untuk pengguna sistem atau warga jabatan					
<b>P2)</b> Pembangunan pelan latihan dan kepakaran ICT :  - Khusus untuk personel ICT - Khusus untuk pengguna sistem atau warga jabatan					



TERAS STRATEGIK 3 : PENGUKUHAN KEUPAYAAN ICT DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
<b>P3)</b> Pemindahan Teknologi (TOT) Sistem eTanah					
<b>S2)</b> <b>Pembudayaan Program ICT di Jabatan</b>					
<b>P1)</b> Peningkatan kesedaran inisiatif data raya / data terbuka					
<b>P2)</b> Hebahan kesedaran ICT melalui : <ul style="list-style-type: none"><li>• E-mel</li><li>• SMS Blast</li><li>• Media sosial</li></ul>					

**Rajah 12:** Pelaksanaan Program bagi Teras Tadbir Urus ICT bagi Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) Mengikut Tahun

TERAS STRATEGIK 4 : PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
<b>S1)</b> Pemantapan Tadbir Urus ICT di peringkat jabatan					
<b>P1)</b> Pemantapan struktur organisasi ICT					
<b>P2)</b> Penubuhan Pasukan Pakar Rujuk eTanah : - Teknikal ICT - Pentadbiran Tanah - Perundangan Tanah					
<b>P3)</b> Penubuhan Pasukan Khas Pembersihan Data					
<b>S2)</b> Pengukuhan Jawatankuasa ICT					
<b>P1)</b> Pemantapan Jawatankuasa Laman Web Jabatan					



TERAS STRATEGIK 4 : PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT					
Strategi / Program / Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
P2) Pemantapan Jawatankuasa Pengurusan Kandungan Laman Web Jabatan					

## 11.1 IMPLIKASI KEWANGAN

Implikasi kewangan merupakan kos jangkaan untuk projek yang akan dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT). Sehubungan dengan itu, agensi perlu memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk membangun, melaksana dan menyelenggarakan projek tersebut bagi memudahkan pelaksanaan projek yang dicadangkan.

### 11.1.1 Anggaran Kos Keseluruhan Projek ICT

Daripada cadangan kos pelaksanaan yang telah ditentukan, adalah didapati bahawa Pelan Strategik ICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) menganggarkan sebanyak **RM 65,057,568.00** diperlukan untuk menjalankan program dan aktiviti ICT sepanjang tahun 2019 sehingga 2023. Pecahan anggaran kos mengikut teras, tahun dan organisasi adalah seperti **Jadual 2**.




**Jadual 2:** Pecahan Anggaran Kos Pelan Strategik ICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT)

Jabatan/Agensi	Infrastruktur	Aplikasi	Keupayaan	Tadbir Urus	Jumlah
<b>PTNM (PTG – PDT)</b>					
Tahun 2019	17,032,000	25,110,000	180	4,960	42,147,140
Tahun 2020	3,381,900	260,000	54,000	2,160	3,698,060
Tahun 2021	8,000	2,520,000	56,560	2,160	2,586,720
Tahun 2022	5,509,920	2,620,000	54,000	2,160	8,186,080
Tahun 2023	5,860,848	2,520,000	56,560	2,160	8,439,568
<b>Jumlah</b>	<b>31,792,668</b>	<b>33,030,000</b>	<b>221,300</b>	<b>13,600</b>	<b>65,057,568</b>

Daripada **Jadual 2**, adalah didapati bahawa Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) memerlukan kos sebanyak RM65,057,568.00 bagi menjalankan program dan aktiviti ICT secara keseluruhannya. Kos yang terbesar adalah daripada teras strategik Aplikasi iaitu sebanyak 50.7% (RM33,030,000.00) dan kos teras strategik Infrastruktur sebanyak 49% (RM31,792,668.00). Manakala kos teras strategik Keupayaan ICT hanya 0.34% (RM221,300.00) dan kos teras strategik Tadbir Urus ICT hanya 0.02% (RM13,600.00) . Sila rujuk **Rajah 13** seperti di bawah ini yang menerangkan tentang Pecahan Anggaran Kos Keseluruhan Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) mengikut Teras.

Rajah 13 : Pecahan Anggaran Kos Keseluruhan Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) mengikut Teras dari tahun 2019 sehingga 2023.





## 12. PENUTUP

Pelan Strategik ICT Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) (2019 – 2023) adalah merupakan satu dokumen *blue print* bagi Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelan strategik ini dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula jika perlu. Ini adalah bagi memastikan supaya ICT akan terus menjadi pemangkin kepada Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) dalam mencapai hasrat untuk menjadi agensi unggul dalam Pengurusan Kewangan dan Ekonomi Negara. Melalui perancangan implementasi, Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) dapat mengenal pasti faktor kejayaan, kekangan, kewangan serta tempoh masa bagi setiap program dan Strategi PSICT yang dirancang.

Secara ringkasnya Strategi, program dan anggaran kos yang telah dikenal pasti bagi setiap teras untuk Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) adalah seperti **Jadual 3**.

**Jadual 3** : Strategi, program dan anggaran kos keseluruhan yang telah dikenal pasti

Bahagian	Infrastruktur		Aplikasi		Keupayaan		Tadbir Urus		Jumlah	
	Strategi	Program	Strategi	Program	Strategi	Program	Strategi	Program	Strategi	Program
Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG-PDT)	3	6	2	6	2	5	3	8	10	25
Kos Keseluruhan	RM 65,057,568.00									



Berdasarkan **Jadual 3**, didapati bahawa Pentadbiran Tanah Negeri Melaka (PTG – PDT) secara keseluruhannya mempunyai sebanyak 10 strategi dan 25 program dengan anggaran kos keseluruhan RM 65,057,568.00. Dengan program dan aktiviti yang banyak maka penyusunan aktiviti yang teratur adalah amat penting bagi memastikan pelaksanaan setiap program berjalan lancar dalam tempoh masa lima tahun yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, Perbendaharaan Malaysia juga perlu merancang aktiviti berdasarkan sumber kewangan yang diperoleh. Seajar dengan keperluan tersebut, adalah amat penting untuk PSICT ini dikaji semula sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun sekali selaras dengan *Rolling Plan* yang diperkenalkan melalui RMKe-11.